

ARKIB : 23/12/2002

### Pendidik - Jangan jadi kelas kedua

Oleh Rajmah Hasan Shirat

PEGAWAI pendidik termasuk guru, pengetua dan guru besar diingatkan bahawa mereka akan menjadi pendidik kelas kedua sekiranya tidak berusaha menimba ilmu dan maklumat serta pengalaman daripada pelbagai saluran sedia ada kini.

Justeru menurut Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, mereka perlu memanfaatkan sumber-sumber ilmu termasuk pelbagai buku dan terbitan berkala yang terdapat dalam pasaran setiap tahun.

``Di Amerika Syarikat sahaja, sebanyak 60,000 buku baru diterbitkan daripada sejumlah 300,000 buku di seluruh dunia.

``Selain daripada itu, sebanyak 18,000 majalah baru diterbitkan dan ini tidak termasuk terbitan elektronik," katanya dalam ucaptama pada Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-11 di Sepang, baru-baru ini.

Teks ucaptama beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Datuk Hassan Hashim.

Seminar bertemakan Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Cemerlang Aspirasi Negara merupakan anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB) dengan kerjasama Kumpulan Utusan.

Seminar berlangsung tiga hari bermula pada 17 Disember lalu telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin.

Seiring dengan peningkatan maklumat, Abdul Rafie menambah, golongan pendidik seharusnya berupaya mempelajari apa yang harus dipelajari supaya dapat membuat keputusan bermaklumat dalam kerja harian mereka.

``Malangnya ramai di kalangan kita hidup di bawah payung pembelajaran just-in-time (j-i-t) learner iaitu kita mencari dan membaca hanya bila diperlukan dalam keadaan yang mendesak," katanya.

Sementara itu, Pengarah IAB, Datuk Dr. Wan Chik Rahmah Wan Din berkata, pengetua dan guru besar sebagai pemimpin sekolah harus mengambil langkah positif untuk mewujudkan komuniti pembelajaran yang berlandaskan kepada pembelajaran hayat.

Selain itu katanya, pemimpin cemerlang harus meningkatkan amalan pengurusan dan kepimpinan dinamik dan pragmatik sejajar dengan era pembangunan teknologi dan globalisasi.

``Seseorang pemimpin yang cemerlang boleh mencipta dan mengekalkan komuniti pembelajaran melalui perkongsian visi, keputusan bersama dan sokongan padu terhadap perkembangan kakitangan," katanya.

IAB berjaya melatih seramai 470 pengetua dan guru besar di bawah Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah (KPKS) dan Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) pada tahun ini sahaja.

IAB juga diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai pusat latihan bagi mengendalikan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di bawah Sistem Saran Malaysia yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1223&pub=utusan\\_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_03.htm#ixzz2vdi0MeeU](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1223&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_03.htm#ixzz2vdi0MeeU)

© Utusan Melayu (M) Bhd